

Faktor Keganasan Rumahtangga di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur

[Factors of Domestic Violence in Malaysia: A Literature Review]

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 92-113
 © The Author(s) 2023
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 14 August 2023
 Accepted: 24 August 2023
 Published: 10 September 2023

Nik Amni Sajidah Nik Lukman & Haziyah Hussin ^{1*}

1 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
 E-mail: nikamnisajidah.ukm@gmail.com, haziyah@ukm.edu.my

*Corresponding Author: haziyah@ukm.edu.my

Abstrak

Keganasan rumahtangga yang berlaku antara pasangan sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas penceraian merupakan fenomena sosial yang masih berterusan sehingga hari ini. Lazimnya perkara ini dilakukan suami ke atas isteri namun terdapat juga kes isteri yang melakukan keganasan terhadap suami. Pelaku keganasan lazimnya ingin meraih kuasa dan mengawal atau melepaskan amarahnya terhadap pasangan. Keganasan rumahtangga boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti fizikal, verbal, seksual, sosial dan kewangan. Isu ini menyebabkan ramai penyelidik melakukan kajian tentang keganasan rumahtangga. Namun, tidak banyak kajian yang mengkaji tentang faktor keganasan rumahtangga secara mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka kajian-kajian lepas tentang faktor keganasan rumahtangga. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap artikel yang diperoleh daripada pangkalan data Google Scholar. Hasil kajian mendapati tema bagi faktor keganasan rumahtangga ialah diri, pasangan, budaya dan persekitaran. Faktor utama keganasan rumahtangga ialah masalah kewangan, penggunaan bahan terlarang, sikap pelaku, masalah cemburu dan kurang pengetahuan agama. Kajian ini dapat membantu masyarakat mengenal pasti faktor utama keganasan rumahtangga berdasarkan dapatan kajian terdahulu. Dari situ, pelan tindakan untuk menangani masalah keganasan rumahtangga dapat dijalankan dengan efektif.

Kata kunci: Keganasan Rumahtangga, faktor, pasangan, kewangan, sikap.

Abstract

Domestic violence between couples, whether during marriage or after divorce, is a social issue that persists to this day. This phenomena usually done by the husband against the wife, however there have been occasions where the wife has committed violence against her husband too. Abusers usually try to obtain power and control over their spouse or to vent their rage. Domestic violence may occur in various forms, including physical, verbal, sexual, social, and financial abuse. Many researchers were interested in domestic violence as a result of this issue. However, few research have looked into the causes of domestic violence in depth. As a result, the purpose of this study is to analyse prior studies on the causes of domestic violence. This is a qualitative study that employs a content analysis approach on papers retrieved from Google Scholar. The research revealed that themes for domestic violence factors are individual, partner, culture, and environment. Domestic violence is mainly brought on by financial problems, the use of prohibited substances, the attitude of perpetrators, enviousness issues, and a lack of religious understanding. Based on prior studies, this study can assist the community in identifying the primary causes of domestic violence. From there, an action plan to address the problem of domestic violence can be implemented efficiently.

Keywords: Domestic violence, factor, spouse, financial, attitude.

Cite This Article:

Nik Amni Sajidah Nik Lukman & Haziyah Hussin. (2023). Faktor Keganasan Rumahtangga di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur [Factors of Domestic Violence in Malaysia: A Literature Review]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 92-113.

Pengenalan

Tujuan perkahwinan adalah untuk mendapatkan rumahtangga yang *sakinah, mawaddah* dan *rahmah*. Namun terdapat pelbagai cabaran dalam dunia perkahwinan sehingga akhirnya menyebabkan berlaku keganasan rumahtangga. Menurut Mohamed Daud, Hussin & Hafiz Jamaludin (2021), keganasan rumahtangga ialah kezaliman yang bersalah dengan hak asasi manusia seperti mengugut, memukul, mengancam dan sebagainya. Perbuatan ini dilakukan terhadap ahli keluarga sama ada suami, isteri, anak-anak atau ibubapa (Mohamed Daud, Hussin & Hafiz Jamaludin 2021). Kajian Isaacs et al (2020) menakrifkan keganasan rumahtangga sebagai keganasan yang dilakukan oleh suami terhadap isteri atau orang yang disayangi dan mengkhususkan suami sebagai pelaku keganasan. Takrifan ini disokong dengan kajian Zanariah (2019) yang turut menyatakan bahawa keganasan rumahtangga ialah penderaan atau *darar* yang dilakukan suami terhadap isterinya. Penderaan ini boleh terjadi dalam bentuk fizikal seperti menampar, memukul, menumbuk, menendang anggota tubuh, membaling objek dan lain-lain. Penderaan ini juga boleh berlaku dalam bentuk perkataan dan emosi. Menurut Yusof et al. (2022) pula, keganasan rumahtangga merupakan tindakan luar kawalan atau penderaan yang dilakukan terhadap mangsa terutamanya isteri sama ada dari aspek emosi, fizikal dan kewangan. Kajian Nuruaslizawati et al. (2022) mengaitkan takrifan keganasan rumahtangga sebagai penderaan, keganasan dan ugutan yang digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa ke atas pasangannya sama ada dalam hubungan perkahwinan atau selepas penceraian.

World Health Organisation (WHO) telah mengisyiharkan bahawa keganasan rumahtangga antara pasangan ialah masalah yang berleluasa di peringkat global. Fenomena ini boleh berlaku ke atas sesiapa sahaja di pelbagai tempat dan keadaan di pelbagai negara termasuklah di Mozambique (Tura H,Licoze A, 2019), Australia (Ghafournia & Easteal 2021), Afghanistan (Mannell, J et al., 2021), Malawi (Chikhungu, et al., 2019), Greece (Antoniou & Evangelia, 2020), Maluku (Tubalawony et al., 2019), Bangladesh dan Nigeria. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa keganasan rumahtangga merupakan masalah global merentasi tempat dan budaya.

Statistik di Malaysia menunjukkan bilangan kes keganasan rumahtangga semakin meningkat hingga ke hari ini. Pada tahun 2017, kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan adalah sebanyak 775 kes dan 602 kes pada 2018 (JKM, 2018). Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah melaporkan sebanyak 5657 kes pada 2019 manakala pada tahun 2020 adalah sebanyak 5260 kes. Pada 2021 pula sebanyak 7468 kes direkodkan yang bermaksud telah berlaku peningkatan sebanyak 42% daripada tahun sebelumnya (Berita Harian, 2022). Selain itu, sebanyak 3028 panggilan melalui Talian Kasih 15999 membabitkan kes keganasan rumahtangga telah diterima sepanjang tahun 2021.

Rumusannya, keganasan rumahtangga antara pasangan ialah kezaliman yang dilakukan oleh seseorang terhadap pasangannya dan lazimnya dilakukan suami terhadap isterinya sama ada ketika dalam tempoh perkahwinan atau selepas berpisah disebabkan ketidakseimbangan

kuasa yang mana pelaku cuba meraih kuasa dan kawalan ke atas mangsa serta melepaskan amarah. Kezaliman ini boleh berlaku pada bila-bila masa sama ada secara sedar atau tidak, di tempat tersembunyi atau tempat awam.

Terdapat ruang perdebatan tentang bentuk keganasan rumahtangga dan sejauh mana ia boleh dianggap sebagai perlakuan keganasan. Kebanyakan kajian mengatakan bahawa keganasan rumahtangga ialah keganasan yang berlaku terhadap pasangan secara fizikal (Zanariah, 2019; Isaacs et al, 2019; Mohamad Yusof et al. 2020) namun ia boleh berlaku juga dalam cara yang lain. Kajian Nadiah, Mohd Norhusairi & Mohd Hafiz (2021) memperincikan perlakuan keganasan dalam bentuk fizikal seperti mengawal, memaksa, mengancam, menghina dan menganiaya secara seksual. Selain dalam bentuk fizikal, keganasan rumahtangga turut berlaku dalam bentuk psikologi. Kajian Isaacs et al, (2019) menyatakan keganasan dari segi mental boleh berlaku apabila pelaku menakutkan mangsa dengan cara ugutan atau paksaan terhadap sesuatu. Malah perbuatan mengasingkan mangsa daripada orang tersayang, mengancam dan menghina mangsa juga merupakan keganasan dalam bentuk psikologi (Nadiah, Norhusairi & Mohd, 2021). Namun begitu, keganasan dalam bentuk psikologi ini sukar untuk dikesan kerana ia tidak dapat dibuktikan dengan jelas seperti mana keganasan secara fizikal. Oleh sebab itu, bebanan pembuktian yang kuat diperlukan bagi menunjukkan kewujudan keganasan secara psikologi sekiranya mangsa melaporkan kes keganasan kepada pihak mahkamah (Zanariah, 2019).

Kajian-kajian yang lain memperincikan bentuk-bentuk keganasan rumahtangga dalam bentuk fizikal dan mental. Antaranya, keganasan dalam bentuk emosi, seksual, kewangan, sosial dan identiti (Isaacs et al. 2020; Mohamad Yusof et al. 2020). Keganasan dalam bentuk mental dan emosi berlaku dalam bentuk kawalan dan paksaan secara kasar yang dilakukan pelaku terhadap mangsa (Nadiah, Mohd Norhusairi & Mohd Hafiz 2021) manakala keganasan dalam bentuk kewangan pula berlaku melalui rompakan, kawalan kewangan, paksaan dan pelbagai cara lain.

Jelasnya, keganasan rumahtangga boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu bentuk secara zahir dan batin. Keganasan secara zahir ialah perlakuan yang boleh dilihat dan dirasa seperti menumbuk, menendang, memijak, menetak, memukul dan sebagainya. Adapun keganasan secara batin ialah keganasan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan bersifat kejiwaan seperti keganasan dari aspek psikologi dan emosi. Banyak kajian lepas yang mendalaminya tentang keganasan rumahtangga, namun belum ada sorotan literatur secara sistematik dan komprehensif tentang faktor masalah ini dengan sistematik. Faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah ini perlu dikenal pasti supaya isu ini boleh ditangani secara efektif. Kajian sorotan ini berpandukan persoalan berikut, apakah faktor yang menyebabkan berlakunya keganasan rumahtangga? Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tema-tema yang menyumbang kepada berlakunya keganasan rumahtangga serta menganalisis faktor utama berlakunya keganasan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap sumber kepustakaan yang terdiri daripada artikel jurnal. Artikel diperoleh daripada

pangkalan data *Google Scholar* yang diambil dalam tempoh masa 2019 sehingga 2023 sahaja. Medium bahasa yang dipilih ialah artikel dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Artikel yang memfokuskan pada faktor keganasan rumahtangga di Malaysia telah dipilih. Jadual berikut merupakan kriteria carian untuk kajian ini:

Jadual 1: Kriteria Kelayakan Dan Penyisihan Artikel

Kriteria	Kelayakan	Penyisihan
Tempoh Masa	2019 Sehingga 2023	Sebelum Tahun 2019
Jenis Dapatan	Artikel Sahaja	Kertas Prosiding, Tesis Dan Buku
Medium Bahasa	Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris	Selain Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris
Fokus Kajian	Faktor Keganasan Rumahtangga Di Malaysia	Selain Faktor Keganasan Rumahtangga Di Malaysia
Pangkalan Data Jujukan Kata Kunci Dan Boalean Operator	<i>Google Scholar</i> Keganasan Rumahtangga; Di Malaysia; In Malaysia; "Domestic Violence"	<i>Selain Google Scholar</i> Selain 'Keganasan Rumahtangga; Di Malaysia; In Malaysia; "Domestic Violence"

Jujukan kata kunci yang digunakan dalam pencarian artikel ialah "Keganasan rumahtangga; di Malaysia; in Malaysia; "Domestic violence". Bilangan artikel yang diperoleh dari pangkalan data *Google Scholar* ialah sebanyak 130. Proses tapisan diteruskan dengan menyaring artikel kajian yang relevan sahaja berdasarkan tajuk dan abstrak iaitu isu keganasan rumahtangga dalam konteks Malaysia. Hasilnya, sebanyak 65 artikel telah ditemukan. Selepas itu, setiap artikel dianalisis kandungan satu per satu berdasarkan tema "Faktor keganasan rumahtangga". Hasilnya, 38 artikel terpilih kerana menepati fokus kajian. Daripada jumlah itu, sebanyak 28 artikel yang digunakan dalam kajian ini. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan proses saringan dan penyisihan artikel:

Jadual 2: Proses Tapisan Artikel

Proses Tapisan	Hasil Tapisan
Artikel yang diperoleh daripada <i>Google Scholar</i>	n = 130
Artikel yang disaring	n = 65
Artikel yang layak selepas penyisihan	n = 38
Artikel yang dimasukkan dalam analisis	n = 28

Dapatan Kajian

Sebanyak 28 artikel yang relevan telah digunakan dalam kajian ini dan semua artikel yang terpilih telah diklasifikasikan mengikut tema yang sesuai. Tema yang telah dikenal pasti ialah tema sikap pelaku, kewangan, dadah, pasangan, budaya dan persekitaran. Pengkaji memperincikan dapatan kajian lepas dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Ringkasan Dapatan Artikel

Tajuk/Pengarang/Tahun	Objektif	Metode	Dapatan Kajian
1. Masalah Kekeluargaan-Isteri Yang Bekerja Dan Penyelesaiannya Bersandarkan Kepada Maqasid Shariah (Husni, Alimuddin & Husni 2021)	Mengenal pasti sebab dan keadaan yang menyumbang kepada masalah rumah tangga	Kualitatif	Punca utama masalah dalam institusi keluarga adalah kerana kurang pengetahuan antara pasangan tentang hak dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi.
2. A Cross-Sectional Study of Malaysian Low-Income Drug Addict Wives: Relationship between Family Impact, Coping and Mental Wellbeing (Adnan, Arshat & Sharil 2022)	Menentukan hubungan antara tekanan yang dialami oleh pasangan penagih dadah dan kesejahteraan mental	Kuantitatif dengan melibatkan 132 isteri penagih dadah menggunakan kaedah dan pensampelan bertujuan	Terdapat perkaitan antara “family impact” dan “coping”. Kesan keluarga juga mempunyai perkaitan tidak langsung dengan kesejahteraan mental.
3. Analisis isu perkahwinan dalam kalangan pasangan Melayu di Kuching, Sarawak Sepanjang Tahun 2018-	Menganalisis isu perkahwinan yang berlaku dalam kalangan pasangan Melayu Islam di Kuching Sarawak dari tahun 2018 hingga 2020	Kualitatif analisis kandungan dari data sekunder yang diperolehi dari statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga di Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling di Unit Khidmat Nasihat dan Kaunseling,	Terdapat 4 tema utama diperoleh iaitu pengabaian nafkah dan tanggungjawab dalam kalangan suami, resolusi konflik yang tidak berkesan sebagai faktor menjelaskan lagi hubungan

2020 (Sharkawi & Saili 2022)	Jabatan Agama Islam Sarawak.	perkahwinan, kecurangan sebagai implikasi daya tindak negatif menangani isu rumah tangga dan masalah penagihan dan juga hutang dalam kalangan suami.
4. Kekerasan Terhadap Perempuan Dalam Rumahtangga Sebagai Kejahatan Kemanusiaan (Arief 2019)	Mengkaji pandangan Indonesia terhadap kekerasan rumahtangga khususnya terhadap perempuan dan perlindungan undang-undang yang diberikan.	Kualitatif Indonesia sangat menentang kekerasan rumahtangga dan memandangnya sebagai kejahanatan kemanusiaan yang serius sehingga perlu diatasi dengan bersungguh-sungguh.
5. Recognizing, Appreciating And Preserving Women's Rights: Issues, Rationales And Challenges For Women In Facing Responsibility (Othman, Zakaria & Esa 2022)	Membincangkan (1) Mengkaji isu kerjaya yang terhenti oleh wanita berpendidikan tinggi. (2) Masalah keganasan rumahtangga yang dihadapi wanita. (3) Menghapuskan diskriminasi gender (4) Kekeliruan tentang hak asasi manusia bagi wanita. (5) Penafian potensi wanita dalam dunia keusahawanan dan politik.	Kualitatif Kajian menemukan (1) maklumat terkini tentang persepsi diskriminasi gender, pertembungan budaya dan pandangan masyarakat. (2) Pelaksanaan Akta Keganasan Rumahtangga 1994. (3) Daya maju Polisi Wanita Nasional 2009 (4) Menguatkan fungsi dan bidang kuasa unit hal ehwal wanita
6. Pengurusan krisis rumah tangga dalam mencapai kesejahteraan (Abdul Aziz & Musa 2023)	Mengenal pasti mekanisme daya tindak terpilih dalam aspek pengurusan krisis rumah tangga bagi mencapai kesejahteraan	Kajian kualitatif melalui reka bentuk kajian skop. Terdapat lima strategi daya tindak yang membantu krisis rumahtangga iaitu komunikasi berkesan, konsep keagamaan, sistem sokongan bernilai dan kepercayaan pasangan.

7. Development And Validation Of An Educational Module On Intimate Partner Violence For Young Adults (Hazaha et al. 2023)	Membina modul pendidikan berkaitan keganasan rumah tangga dari kalangan pasangan muda di Kelantan.	Kualitatif dengan kaedah temubual. Temu bual dijalankan bersama 10 orang pasangan muda untuk mengenal pasti keperluan modul ini.	Modul pendidikan mengandungi lima unit iaitu bentuk, punca, impak dan sokongan bagi menghalang keganasan rumah tangga.
8. Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Literatur (Musthapar & Ahmad 2022)	Menganalisis isu yang sering berlaku dalam hubungan suami isteri di Malaysia dari perspektif Islam.	Kualitatif	Isu yang sering berlaku ialah pengabaian tanggungjawab, hubungan intim, komunikasi, pengurusan konflik, sikap dan pengurusan kewangan.
9. Hubungan Konflik Kewangan Terhadap Kesejahteraan Sosial Mangsa Wanita Dalam Isu Keganasan Rumah Tangga (Mohamad Yusof et al. 2020b)	Mengenal pasti pengaruh aspek kewangan terhadap kesejahteraan sosial hidup mangsa dalam konteks keganasan rumah tangga	Kajian kualitatif dengan kaedah temu bual. Kaedah temu bual mendalam terhadap 15 orang responden wanita menerusi pensampelan bertujuan dan bola salji menggunakan perisian NVivo 8.	Hasil penyelidikan mendapati tekanan masalah kewangan yang dihadapi dalam rumah tangga mendorong suami melakukan pelbagai bentuk penderaan terhadap isteri iaitu mangsa keganasan rumah tangga.
10. Predictors Of Knowledge On Domestic Violence Among Pregnant Women Attending District Health Clinics (Faridah J. & Rahman 2019)	Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan kelaziman pengetahuan tentang keganasan rumah tangga dan mengenal pasti faktor-faktor yang dikaitkan dengan pengetahuan yang tinggi tentang keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita hamil yang	Kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diuji dan ditadbir sendiri. Data dianalisis menggunakan SPSS Versi 23, dan nilai $p < 0.05$ dianggap signifikan. Kajian menggunakan pendekatan analisis tematik.	Majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang keganasan rumah tangga. Pendapatan isi rumah bulanan yang tinggi (melebihi RM3000) adalah peramal pengetahuan yang tinggi tentang keganasan rumah tangga

		menghadiri klinik kesihatan daerah.		
11.	Exploring The Long-Term Psychological Impact Of Childhood Abuse On Intimate Partner Violence Victims In Malaysia (Mudin & Mohamed 2023)	Mengkaji impak psikologi terhadap mangsa keganasan rumah tangga terhadap informan yang mengalami keganasan dan mempunyai pengalaman menjadi mangsa keganasan sejak kecil.	Kualitatif	Kajian ini menemukan tema kepercayaan sosial, agama dan norma budaya.
12.	Rejecting Domestic Violence In Malaysia Based On The Qur'an And Prophetic Traditions (Baharudin, Yusoff & Ahmad 2023)	Mengkaji prinsip al-Quran dan al-Sunnah terhadap hak wanita mangsa keganasan dari segi sosio-ekonomi dan hak sosial	Kualitatif	Sosio ekonomi yang rendah
13.	Factors Of Domestic Violence When Movement Control Orders (Ghani & Zahari 2021)	Membincangkan faktor-faktor keganasan rumah tangga terhadap wanita sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Kualitatif	Tekanan, mangsa kerap bersama pelaku, sikap panas baran pelaku, masalah kewangan dan penagihan dadah merupakan faktor keganasan rumah tangga yang dilaporkan sepanjang PKP.
14.	Kesan Tekanan Kerja Terhadap Hubungan Kekeluargaan (Rose & Ishak 2020)	Mengkaji kesan tekanan kerja terhadap hubungan kekeluargaan	Kualitatif	Tekanan kerja dan kerjaya memberikan kesan kepada keluarga kerana mereka tidak mempunyai masa yang cukup bersama keluarga dan kurang rehat.
15.	Pandangan Ahli Akademik	Mengkaji pandangan ahli akademik Muslim	Kualitatif	Kajian mendapati antara faktor keganasan terjadi

	Muslim Terpilih di Malaysia Tentang Keganasan (Akhir et al. 2022)	yang terpilih untuk mengupas isu keganasan	ialah kejihilan agama dan faktor dalaman seseorang. Kajian juga mendapati pandangan ahli akademik Muslim dalam lima tema kajian tentang keganasan adalah selari dengan WHO
16.	Perbezaan Di Antara Pendapatan Isi Rumah Dan Fenomena Keganasan Rumah Tangga Di Negeri Terengganu Dan Kelantan (Ayob, Rauf & Adenan 2023)	Mengkaji perbezaan di antara pendapatan isi rumah dan fenomena keganasan rumah tangga di negeri Terengganu dan Kelantan	Kuantitatif Kajian mendapati pendapatan isi rumah merupakan salah satu faktor yang mendorong keganasan rumah tangga.
17.	Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Keganasan Rumah Tangga Di Ipoh, Perak (Ayob, Rauf & Sazali 2021)	Mengenal pasti tahap pengetahuan responden tentang isu keganasan rumah tangga	Kuantitatif Responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Namun begitu, keganasan rumah tangga semakin meningkat saban tahun kerana kurangnya pendedahan masyarakat terhadap hak mangsa keganasan.
18.	Pandemik COVID-19 Dan Keganasan Rumah Tangga: Suatu Tinjauan Semasa PKP Di Malaysia (Muhammad, Sharifah Rohayah & Sofia Haminah	Meninjau impak PKP terhadap isu keganasan rumah tangga dari sudut faktor penyumbang dan peranan pihak pemegang taruh dalam menangani isu ini semasa PKP.	Kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan Terdapat enam faktor keganasan rumah tangga sepanjang tempoh PKP iaitu kekangan ruang persekitaran, pengaruh dadah dan alkohol, kebergantungan kepada pasangan, ketiadaan sistem sokongan yang

2021)

19. Perlindungan Terhadap Mangsa Keganasan Rumahtangga Dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menurut Perspektif Undang-Undang (Mahdzir et al. 2021a)	Membincangkan perlindungan yang diberikan kepada mangsa keganasan rumahtangga di Malaysia oleh Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521) (AKRT 1994)	Kualitatif	kukuh, konflik dalaman individu dan tiada ilmu tentang keganasan rumahtangga. Dapatkan kajian menunjukkan pindaan kepada AKRT 1994 pada tahun 2017 telah menambahbaik akta sedia ada. Antara yang utama ialah perluasan skop dan definisi KRT serta perkenalan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO).
20. Social Work Students' Awareness And Knowledge Of Domestic Violence (Ahmad, Ibrahim & Ramli 2022)	Menentukan tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar tentang perkara berkaitan keganasan rumahtangga seperti polisi, hak dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan.	Kuantitatif	Kajian mendapati bahawa kesedaran dan kefahaman pelajar kerja sosial terhadap keganasan rumahtangga masih kurang
21. A Socio-Legal Study On The Impacts Of Covid-19 Pandemic Towards Domestic Violence Cases (Ismail et al. 2022)	Mengenal pasti impak COVID-19 terhadap kes keganasan rumahtangga di Malaysia, mekanisme yang disediakan, dan pihak yang menyediakan bantuan terhadap mangsa.	Kualitatif	Kajian mendapati semua pihak terutamanya kerajaan Malaysia telah membantu mangsa dengan aktif dan menghalang kes meningkat walaupun terdapat laporan bahawa terhadap mekanisme bantuan yang tidak tersedia ketika sepanjang pandemik COVID-19.
22. Hubungan Antara Penagihan	Mengkaji perspektif responden berkenaan keganasan	Kuantitatif	Kebanyakan responden merupakan individu yang mampu

Dadah Dengan Keganasan Rumah Tangga (Isaacs et al. 2019)	rumahtangga terutamanya dalam kalangan pengguna opiat di Malaysia khususnya di Terengganu dan mengkaji kesan penagihan terhadap keharmonian rumahtangga	menjalani kehidupan normal sebelum pengambilan dadah. Namun setelah pengambilan dadah, perubahan tingkah laku dan emosi responden menyebabkan berlakunya keganasan dalam rumahtangga. Hal ini menyebabkan pasangan berasa tidak selamat apabila bersama responden.
23. Understanding The Communication Pattern And Emotional Abuse: Domestic Violence Victims Among Married Women (Shaari, Yahaya & Juaini 2019)	Memahami corak Kualitatif komunikasi lisan dan bukan lisan serta keganasan emosi yang berlaku terhadap wanita yang telah berkahwin di Penang, Malaysia.	Terdapat dua jenis komunikasi lisan yang boleh menyebabkan keganasan emosi dan psikologi. Pertama, kata-kata atau bahasa yang menghina. Kedua, kritikan dan pemikiran yang buruk. Tekanan kewangan, gagal memenuhi kehendak seks, merendahkan, menyalahkan, kurang perhatian, curang dan tidak hormat merupakan kesan komunikasi bukan lisan yang menyebabkan keganasan rumahtangga.
24. Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Keganasan Rumah Tangga: Kajian Rintis	Mengenal pasti Kualitatif tahap pengetahuan masyarakat terhadap isu keganasan rumahtangga	Tahap pengetahuan masyarakat tentang keganasan rumahtangga adalah pada tahap yang sederhana.

(Ayob & Abdul
Rauf 2019)

25. Perlindungan Hak Isteri Terhadap Unsur Narsisme Dan Gaslighting Dalam Konflik Keganasan Rumah Tangga Impak Pandemik COVID-19 (Ismail et al. 2021)	Mengkaji punca dan faktor konflik rumah tangga pada skala yang besar. Menngenal pasti hak isteri dalam rumah tangga dan mencadangkan prosedur standard rumah tangga penyayang ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri.	Kualitatif	Dapatkan kajian menunjukkan wujudnya unsur narsisme dan gaslighting dalam krisis rumah tangga yang memberi kesan kepada terhadap institusi rumah tangga yang harmoni. Perintah kawalan pergerakan turut menjadi menyumbang sebagai faktor yang kuat dalam konflik yang dialami pasangan suami isteri.
26. Pekerjaan Dan Keganasan Rumah Tangga: Satu Kajian Kuantitatif Terhadap Pasangan Yang Berkahwin Di Malaysia (Ayob et al. 2022)	Mengkaji keganasan rumah tangga melibatkan pekerjaan pasangan dengan melihat empat bentuk keganasan iaitu keganasan fizikal, emosi, ekonomi dan seksual	Kuantitatif	Hasil kajian mendapati bahawa status pekerjaan responden mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap bentuk keganasan. Keadaan ini telah memberi satu gambaran bahawa adalah penting bagi semua pihak menilai situasi ini dan mengembangkan intervensi bagi mengurangkan kes keganasan rumah tangga.
27. Keganasan Rumahtangga: Kepekaan Dan Tahap Pengetahuan Mahasiswa (Azizah Ahmad & Ibrahim 2022)	Mengenal pasti tahap kepekaan dan pengetahuan mahasiswa tentang keganasan rumah tangga merangkumi peruntukan polisi, hak dan bantuan kepada mangsa	Kuantitatif	Kajian mendapati kepekaan mahasiswa berada pada tahap sederhana manakala tahap pengetahuan mereka tentang peruntukan polisi, hak dan khidmat bantuan berada pada

tahap yang rendah. Sebilangan kecil responden didapati masih mempunyai sikap stereotaip jantina terhadap mangsa dan pemangsa kes keganasan rumah tangga.

28. Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur (Nadiah, Mohd Norhusairi & Mohd Hafiz 2021)	Membincangkan seluruh konsep keganasan rumah tangga dan akta perundangan sivil yang pelbagai dalam menguruskan kes keganasan.	Kualitatif	tahap yang rendah. Sebilangan kecil responden didapati masih mempunyai sikap stereotaip jantina terhadap mangsa dan pemangsa kes keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga terjadi terhadap anggota keluarga, pasangan, anak-anak dan orang tua. Artikel ini memfokuskan pada tiga akta perundangan iaitu Kanun Keseksyenan, Akta Keganasan Rumah tangga 1994 dan Akta Kanak-kanak 2001.
--	---	------------	---

Jadual berikut menunjukkan tema-tema faktor keganasan yang terbina daripada artikel yang dikaji berdasarkan tahun terbitan artikel:

Jadual 4: Tema Faktor Keganasan Rumahtangga

Tahun/Faktor	Diri	Pasangan	Budaya	Persekitaran
2019	/	/		/
2020	/	/		/
2021	/	/		/
2022	/	/	/	/
2023	/		/	/

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa faktor dominan yang menyebabkan keganasan rumah tangga ialah diri pelaku dari aspek sikap, dadah dan kewangan individu. Kajian Arief (2019) dan Hazaha et al. (2023) menyatakan bahawa sikap pelaku merupakan punca keganasan rumah tangga. Husni, Alimuddin & Husni (2021) menjelaskan bahawa pelaku tidak mengetahui hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga. Musthapar & Ahmad (2022a) pula menyatakan sikap pelaku yang tidak memahami konsep pergaulan suami dan isteri dalam Islam. Hal ini disepakati dalam kajian Sharkawi & Saili (2022) yang merumuskan sikap pelaku seperti tidak melaksanakan tanggungjawab, mengabaikan nafkah, curang dan panas baran sebagai punca. Selain itu, sikap pelaku yang tidak menyelesaikan konflik dengan baik dan meninggalkan rumah setiap kali usaha resolusi konflik dilakukan. Lebih teruk, pelaku melibatkan campur tangan orang ketiga seperti ahli keluarga untuk mlarikan diri daripada masalah atau bersikap curang. Menurut Rafiq, Shah & Bashir (2020), sikap pelaku keganasan ialah pemarah, suka mendominasi, tidak bertanggungjawab dan tidak setia.

Selain itu, sikap pelaku dalam pengurusan emosi juga menjadi punca keganasan rumah tangga. Kajian Sharkawi & Saili (2022) menyatakan pelaku keganasan tidak mahir dalam pengendalian emosi mengakibatkannya hilang kawalan, mengamuk dan sering mengelak daripada pasangan ketika berlaku sebarang konflik. Perkara ini mendorong pelaku bersikap bengis dan mendera pasangannya. Kajian Aziz et al. (2023) juga menyatakan hal yang serupa tentang kegagalan pelaku mengawal emosi yang akhirnya menyebabkan pelaku melakukan keganasan terhadap pasangannya. Kegagalan mengawal emosi dengan baik juga menyebabkan pelaku keganasan sering memberi respons yang buruk terhadap masalah yang berlaku. Respons tersebut boleh berlaku sama ada dalam bentuk perkataan buruk, kritikan yang tidak membina atau perbuatan kasar (Shaari, Yahaya & Juaini 2019).

Sikap pelaku keganasan mempunyai kaitan dengan sejarah dan persekitaran pelaku dibesarkan sejak kecil. Kajian Mudin & Mohamed (2023) dan Ismail et al. (2022) menyatakan sikap pelaku keganasan berpunca daripada sejarah hidup pelaku yang telah dibesarkan dalam suasana keganasan. Perkara ini selari dengan dapatan kajian Nadiah, Mohd Norhusairi & Mohd Hafiz (2021) bahawa sikap pelaku keganasan lazimnya berpunca daripada tekanan yang dialami pelaku ketika melihat keganasan rumah tangga sejak kecil.

Pengambilan dadah oleh pelaku merupakan faktor berlaku keganasan rumah tangga. Adnan, Arshat & Sharil (2022) mendapati keganasan rumah tangga lazimnya berpunca daripada suami yang terlibat dengan penagihan dadah. Kajian Sharkawi & Saili (2022) mengaitkan masalah penagihan dadah dengan fenomena keganasan. Biasanya suami yang menagih dadah mempunyai masalah hutang kerana tidak bekerja, mempunyai masalah disiplin, sikap yang buruk dan pemikiran yang tidak stabil. Hal ini mengakibatkan suami berasa tertekan dan melepaskan amarahnya terhadap isteri. Menurut Ishak & Rose (2020) pula, penagih dadah sukar mendapatkan bekalan dadah sewaktu pandemik COVID-19 lalu merasa tertekan dan melakukan keganasan terhadap pasangannya. Kajian Ghani & Zahari (2021), kajian Muhammad, Sharifah Rohayah & Sofia Haminah (2021) dan kajian Isaacs et al. (2020b) juga bersetuju bahawa dadah merupakan faktor berlaku keganasan rumah tangga. Kajian Isaacs et al. (2020b) mendapati penagih dadah mudah melakukan penganiayaan terhadap pasangan mereka kerana telah mengalami perubahan tingkah laku dan emosi ketika berada di bawah pengaruh dadah. Oleh itu, pasangan mereka akan merasa tidak selamat apabila mereka bersama. Kajian Sharil & Ismail (1999) juga bersetuju mengatakan bahawa dadah telah mempengaruhi sikap

seorang lelaki untuk bertindak ganas terhadap wanita. Hal ini kerana mereka tidak dapat berfikir dengan waras dan menyebabkannya melakukan mudarat ke atas orang lain.

Selain itu, keganasan rumah tangga berpunca daripada masalah kewangan. Menurut kajian Sharkawi & Saili (2022), kewangan yang tidak diurus dengan baik mengakibatkan kucar-kacir dalam rumah tangga seperti hutang, pengabaian nafkah dan kebijakan keluarga. Hal ini akhirnya menyebabkan tekanan dan mendorong pelaku melakukan keganasan rumah tangga. Kajian Yusof et al. (2020) dan Hazaha et al. (2023) juga berhujah bahawa tekanan kewangan yang berlaku dalam rumah tangga akan menyebabkan pelaku melakukan keganasan. Ishak & Rose (2020) pula merungkaikan bahawa kehilangan punca pendapatan sewaktu COVID-19 menjadi faktor keganasan rumah tangga. Hal ini kerana apabila pendapatan isi rumah terbatas, keperluan atas keluarga tidak dapat dipenuhi dan mereka hidup dalam tekanan (Ayob, Rauf & Adenan 2023). Akhirnya keganasan dilakukan untuk melepaskan tekanan yang dihadapi.

Pasangan juga menyebabkan keganasan rumah tangga. Kajian Husni, Alimuddin & Husni (2021) menyatakan sikap pasangan yang tidak mengetahui hak, tanggungjawab serta mengabaikan kebijakan hubungan merupakan faktor berlaku masalah dalam institusi keluarga. Kajian Sharkawi & Saili (2022) mendapati perbuatan pasangan yang curang dan komunikasi antara dua pihak yang tidak berkesan menyumbang kepada berlakunya keganasan rumah tangga. Perkara ini diakui juga dalam kajian Aziz & Musa (2023), kajian Ishak & Rose (2020), Shaari, Yahaya & Juaini (2019). Kajian Aziz & Musa (2023) menambah, perasaan tidak percaya kepada pasangan juga menjadi sebab keganasan rumah tangga. Selain itu, sikap pasangan yang tidak mampu mengawal emosi dengan baik juga menyumbang kepada kejadian keganasan rumah tangga (Aziz & Musa 2023; Othman, Zakaria & Esa 2022). Dalam kajian Ishak & Rose (2020) ada menyenaraikan sikap pasangan yang menyebabkan berlaku keganasan rumah tangga seperti masalah dalam hubungan intim, poligami, peranan yang tidak seimbang dan masalah mental. Menurut kajian Shaari, Yahaya & Juaini (2019) pula, sikap pasangan yang gagal memenuhi kehendak seks, suka merendahkan, menyalahkan, kurang kasih sayang dan tidak menghormati pasangan merupakan punca keganasan rumah tangga yang disebabkan oleh pasangan sendiri. Selain itu, sikap pasangan yang terlalu bergantung terhadap suami dari aspek ekonomi juga merupakan punca keganasan rumah tangga. Penyataan ini boleh didapati dalam kajian Mahdzir et al. (2021) dan kajian Muhammad, Sharifah Rohayah & Sofia Haminah (2021).

Tambahan lagi, budaya dan persekitaran juga menyumbang kepada berlakunya keganasan rumah tangga. Ayob & Abdul Rauf (2019) mendapati bahawa masyarakat belum memahami sepenuhnya tentang fenomena keganasan rumah tangga. Hal ini menyebabkan masyarakat tidak cakna tentang perbuatan keganasan dan menganggapnya sebagai perbuatan biasa. Kajian Hazaha et al. (2023) menyatakan secara umum bahawa keganasan rumah tangga disebabkan oleh faktor budaya. Bagi kajian Ismail et al. (2022), prinsip kebudayaan tentang peranan lelaki dan wanita yang tidak seimbang merupakan punca keganasan rumah tangga. Dari aspek persekitaran pula, kajian Abdul Aziz & Musa (2023) dan kajian Muhammad, Sharifah Rohayah & Sofia Haminah (2021) mendapati ketiadaan sistem sokongan yang kukuh menyebabkan seseorang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Dalam kajian Baharudin, Yusoff & Ahmad (2023) menyatakan bahawa mekanisme pencegahan keganasan rumah tangga yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak berkesan lalu menyebabkan fenomena keganasan terus berlaku. Kajian Rose & Ishak (2020) dan Zahari & Ghani (2021) pula mendapati keadaan

persekitaran sewaktu COVID-19 menyukarkan mangsa keganasan untuk mendapatkan bantuan dan mangsa mempunyai masa yang banyak bersama pelaku. Mahdzir et al. (2021b) menemukan bahawa terdapat masalah pada responden pertama ketika mangsa cuba mendapatkan bantuan. Responden pertama terdiri dari kalangan polis, pegawai kesejahteraan sosial, operator talian ‘hotline’ dan pihak autoriti yang menerima laporan keganasan. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sering berubah sewaktu COVID-19 juga menyukarkan mangsa untuk mendapatkan bantuan. Kajian Ismail et al. (2022) menambah, keadaan persekitaran yang tertekan disebabkan perintah kawalan pergerakan sewaktu COVID-19 juga menyumbang kepada masalah keganasan rumah tangga.

Berdasarkan kajian terdahulu, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor utama yang lazim menjadi punca keganasan rumah tangga iaitu faktor yang disebabkan oleh pelaku sendiri, pasangan, budaya dan persekitaran.

Perbincangan

Hasil analisis mendapati bahawa faktor tertinggi keganasan rumah tangga ialah faktor sikap pelaku. Sikap pelaku boleh terjadi sama ada sifat panas baran, memberikan respons yang buruk terhadap sesuatu, suka merendahkan, menyalahkan orang lain, dan terlalu cemburu. Selain itu, kegagalan menguruskan emosi dengan baik menyebabkan pelaku sukar untuk berhadapan dengan masalah yang berlaku dalam rumah tangga. Konflik yang tidak ditangani dengan berkesan akan menyebabkannya menjadi lebih besar dan semakin sukar diselesaikan (Majid et al. 2018). Akhirnya, pelaku menggunakan kekerasan sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah. Sikap negatif pelaku sebegini merupakan punca keganasan rumah tangga (Nurul Hasna' 2017).

Sikap pelaku yang negatif dibentuk daripada sejarah hidupnya. Seseorang yang hidup dalam lingkungan keluarga yang melakukan keganasan rumah tangga cenderung untuk melakukan hal yang sama terhadap pasangannya. Hal ini kerana pelaku telah menganggap keganasan sebagai satu kebiasaan dalam kehidupan keluarga. Selain itu, anak yang kerap melihat ibubapa melakukan keganasan akan merasa tertekan dan cenderung untuk meniru perbuatan yang sama apabila besar kelak (Muhamarrah 2016). Trauma yang dialami sejak kecil akan membentuk sikap seseorang terhadap diri sendiri dan orang lain.

Selain itu, sikap pelaku yang tidak mengetahui konsep pergaulan suami isteri, tidak memahami agama dan tidak mengamalkannya juga dianggap sebagai punca keganasan rumah tangga. Kajian Majid et al. (2018) menyatakan aspek pengetahuan dan pengamalan agama merupakan faktor yang perlu diambil berat. Hal ini kerana seseorang yang memahami agama yang baik akan mengetahui hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga. Nurul Hasna' Hazni (2017) menegaskan, sikap jahil terhadap hukum hakam agama mendorong seseorang melakukan keganasan rumah tangga. Di dalam al-Quran ada menjelaskan prinsip pergaulan antara suami isteri berdasarkan ayat 19 dalam surah Al-Nisa': Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka

(isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).

Ibnu Kathir (m 774H) dalam tafsirnya *Tafsir al-Quran al-'Azim* menyatakan maksud “wa'asyiruhunna bil *ma'ruf* merupakan arahan supaya suami memperelokkan percakapan, perbuatan dan keadaan mereka terhadap isteri. Suami digalakkan untuk melakukan perkara ini mengikut kadar kemampuan seperti mana mereka mahu isteri lakukan terhadap mereka. Hal ini kerana Nabi SAW turut menggauli isteri baginda dengan baik, memberi nafkah dan bergurau senda. Malah baginda pernah mengadakan lumba lari bersama Aisyah RA dan makan bersama isteri-isteri baginda.

Kajian ini juga mendapati bahawa faktor kewangan merupakan faktor dominan keganasan rumah tangga dan perkara ini ditemukan dalam kajian Mariam, Sahlawati & Mohamad Yusuf, Marlon Nursyafiqa (2018) dan Nurfadhilah Yahya (2014). Malah masalah kewangan merupakan faktor peratusan tertinggi berbanding faktor-faktor lain. Pasangan yang menghadapi masalah kewangan akan mengalami tekanan kerana tidak mampu memenuhi keperluan asas hidup. Tekanan yang berterusan menyebabkan berlakunya konflik dan keganasan rumah tangga. Masalah kewangan terjadi disebabkan hilang punca pendapatan, berjudi atau pengurusan kewangan yang lemah. Semasa pandemik COVID-19, ramai rakyat yang hilang pekerjaan dan mengalami kesempitan hidup. Pada waktu itu, laporan tentang keganasan rumah tangga juga meningkat.

Pengambilan bahan terlarang seperti arak, dadah, pornografi dan judi juga menjadi punca keganasan rumah tangga. Perkara ini menyebabkan pelaku melakukan keganasan tanpa sedar kerana berada di bawah pengaruh bahan tersebut. Dadah dan pornografi mampu mendatangkan ketenangan sementara dalam diri seseorang dan menyebabkan ketagihan. Bahkan bahan ini mempengaruhi kesihatan mental serta fizikal seseorang. Kajian terdahulu mendapati penggunaan bahan terlarang seperti arak (Auliya Rahmah 2017; Maliana Rajalan 2019), judi, dadah (Nurfadhilah Yahya 2014) dan pornografi (Nurul Hasna' Hazni 2017) merupakan penyebab keganasan rumah tangga.

Selain tema sikap, kewangan dan bahan terlarang, kajian juga menemukan banyak lagi tema bagi faktor yang menyumbang kepada keganasan rumah tangga. Antaranya ialah tema pasangan, budaya dan persekitaran. Sikap pasangan yang terlalu bergantung kepada kewangan suami, masalah komunikasi, kurang pengetahuan tentang keganasan dan tidak taat menyebabkan berlaku keganasan. Dari aspek budaya, kajian mendapati bahawa terdapat persepsi yang salah tentang peranan lelaki dan perempuan. Adapun bagi aspek persekitaran, tekanan sosial yang berlaku semasa pandemik COVID-19 memberi kesan yang besar terhadap kejadian keganasan rumah tangga. Tambahan lagi, masyarakat yang tidak faham tentang keganasan rumah tangga turut menyumbang kepada masalah ini.

Kesimpulan

Keganasan rumah tangga merupakan isu besar yang telah wujud di Malaysia sejak sekian lama dan turut berlaku di negara-negara lain. Laporan keganasan rumah tangga menunjukkan

masalah ini masih berlaku dan akan terus meningkat sekiranya tiada tindakan yang diambil untuk menanganinya. Terdapat empat tema yang telah dibentuk iaitu tema diri pelaku, pasangan, budaya dan persekitaran. Kajian mendapati bahawa faktor tertinggi yang menjadi punca keganasan ialah sikap pelaku, dadah dan kewangan. Dapatkan kajian ini penting bagi pihak yang bertanggungjawab untuk menangani keganasan rumah tangga di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat menjadi perintis bagi kajian akan datang berkaitan keganasan rumah tangga dan penyelesaiannya dari perspektif yang pelbagai.

Rujukan

- Abdul Aziz, A.R. & Musa, N.N. 2023. Pengurusan krisis rumah tangga dalam mencapai kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(1): 1–21.
- Adnan, H.A., Arshat, Z. & Sharil, N.S.S.A. 2022. A cross-sectional study of Malaysian low-income drug addict wives: Relationship between family impact, coping and mental wellbeing. *F1000 Research*: 1–14.
- Ahmad, N.A., Ibrahim, N. & Ramli, N.N. 2022. Social work students' awareness and knowledge of domestic violence. *Asian Social Work Journal (ASWI)* 7(2): 1–13.
- Akhir, N.S.M., Mustaffa, N.Hi., Ibrahim, N. & Hamjah, S.H. 2022. Pandangan ahli akademik muslim terpilih di Malaysia tentang keganasan. *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 3(1): 75–92. <https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/7191> [4 April 2023].
- Arief, H. 2019. Kekerasan terhadap perempuan dalam rumah tangga sebagai kejadian kemanusiaan. *Gagasan Hukum* 1(1): 1–16.
- Auliya Rahmah. 2017. Studi tentang kekerasan dalam rumah tangga di Kota Makassar. Universitas Negeri Makassar.
- Ayob, N. & Abdul Rauf, S.H. 2019. Tahap pengetahuan masyarakat terhadap keganasan rumah tangga: kajian rintis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4(7): 62–67.
- Ayob, N., Rauf, S.H.A. & Adenan, N. 2023. Perbezaan di antara pendapatan isi rumah dan fenomena keganasan rumah tangga di negeri Terengganu dan Kelantan. *Journal of Administrative Science* 20(1): 271–282.
- Ayob, N., Rauf, S.H.A., Hadjiri, R. & Nurunsa'adah. 2022. Pekerjaan dan keganasan rumah tangga: satu kajian kuantitatif terhadap pasangan yang berkahwin di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)* 5(1): 53–62. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/297> [4 April 2023].
- Ayob, N., Rauf, S.H.A. & Sazali, N.A.A. 2021. Tahap pengetahuan masyarakat terhadap keganasan rumah tangga di Ipoh, Perak. *Journal of Science and Humanities* 18(3): 208–220.
- Aziz, A.R.A., Mahyuddin, M.K., Wahab, M.N.A., Sungkar, H., Musa, N.N. & Mustafar, N.A. 2023. Kerangka konsep Keluarga Malaysia dalam mencapai kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(1): 1–21.

- <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/2169> [4 April 2023].
- Aziz, A.R.A. & Musa, N.N. 2023. Pengurusan Krisis Rumah Tangga dalam Mencapai Kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(1): 1–21. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/2168> [4 April 2023].
- Azizah Ahmad, N. & Ibrahim, N. 2022. Keganasan rumah tangga: kepekaan dan tahap pengetahuan mahasiswa. *EDUCATUM-Journal of Social Science (EJOSS)* 8(1): 53–66. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol8.1.6.2022>.
- Baharudin, M.H., Yusoff, R.M. & Ahmad, N. 2023. Rejecting domestic violence in Malaysia based on the Qur'an and Prophetic Traditions. *Journal of Asian Wisdom and Islamic Behavior (JAWAB)* 1(1).
- Faridah J. & Rahman, H.A. 2019. Predictors of knowledge on domestic violence among pregnant women attending district health clinics. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences* 6(2): 202–214.
- Ghani, F.A. & Zahari, A.M. 2021. Punca Keganasan Rumah Tangga Terhadap Wanita Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *E-ProSIDING Webinar Konvensyen Kaunseling Kebangsaan Kali Ke-22*, hlm. 19–26. https://www.researchgate.net/profile/Amnah-Abd-Razak/publication/353090055_NEWE-PROSIDING_KKK22_final_1_1/links/60e719740fbf460db8f23c7c/NEWE-PROSIDING-KKK22-final-1-1.pdf#page=26 [4 April 2023].
- Hazaha, H.S., Tengku Ismail, T.A., Ghazali, A.K., Daud, A. & Sulaiman, Z. 2023. Development and validation of an educational module on intimate partner violence for young adults. *IIUM Medical Journal Malaysia* 22(3) 88-97.
- Husni, A.M., Alimuddin, N.F. & Husni, A.M. 2021. Masalah kekeluargaan- isteri yang bekerja dan penyelesaiannya bersandarkan kepada maqasid shariah. *Journal of Education and Social Sciences* 17(1) 154-164.
- Ibn Kathir. 2011. *Tafsir al-Quran al-Azim*. hlm. 522. Edisi ke-6. Jam'iyyah Ihya' al-Turath al-Islami: Al-Dhahiyah: Al-Kuwait.
- Isaacs, V., Mohamad, N., Adnan, L.H.M., Rosdi, W.H.A.W., Mustafa, N.S., Fauzi, N.F.A.M. & Zakaria, N.H. 2020a. Hubungan antara penagihan dadah dengan keganasan rumah tangga (the relationship between drug addiction and domestic violence) 25(2019): 3–14.
- Isaacs, V., Mohamad, N., Adnan, L.H.M., Rosdi, W.H.A.W., Mustafa, N.S., Fauzi, N.F.A.M. & Zakaria, N.H. 2020b. Hubungan antara penagihan dadah dengan keganasan rumah tangga (The relationship between drug addiction and domestic violence) 25(2019): 3–14.
- Isaacs, V., Mohamad, N., Mohd Adnan, L.H., Wan Rosdi, W.H.A., Mustafa, N.S., Md Fauzi, N.F.A. & Zakaria, N.H. 2019. Hubungan antara penagihan dadah dengan keganasan rumah tangga. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat* 25: 7–14.
- Ishak, A.S. & Rose, N.N. 2020a. Kesan tekanan kerja terhadap hubungan kekeluargaan. Dlm. Fahrudin, A., Mas'ud, F.H., Rose, N.N., & Wardani, L.M.I. (pnyt.). *Dinamika Keluagra pada Masa Pandemi COVID-19*, hlm. 120–124. Edisi ke-1. JAKARTA: IM Jakarta Press.

- Ishak, A.S. & Rose, N.N. 2020b. Keganasan Rumah Tangga Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Dinamika Keluagra pada Masa Pandemi COVID-19*: 120–124. http://repository.umj.ac.id/6437/1/Dinamika_Keluarga_e-book%282%29.pdf#page=106 [4 April 2023].
- Ismail, N., Ali, A., Shahwir, S.F., Yusoff, R.M., Haniff, W.A.W. & Yusof, Z. 2022. A socio-legal study on the impacts of Covid-19 Pandemic towards domestic violence cases. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(7): 1246–1258.
- Ismail, S., Tajul Urus, N.S., Isa Binawae, F. & Abdul Shakoor Siraji, A.H. 2021. Perlindungan hak isteri terhadap unsur Narsisme dan Gaslighting dalam konflik keganasan rumah tangga impak Pandemik COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research* 24(2): 88–117.
- Mahdzir, N., Rahman, A.A., Rahim, A.A. & Ismail, C.T.M. 2021a. Perlindungan Terhadap Mangsa Keganasan Rumah Tangga dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menurut Perspektif Undang-undang. *International Journal of Law, Government and Communication IJLGC* 6(22): 179–188. <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/ICSW2019/article/view/6888> [4 April 2023].
- Mahdzir, N., Rahman, A.A., Rahim, A.A. & Ismail, C.T.M. 2021b. Perlindungan Terhadap Mangsa Keganasan Rumah Tangga dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menurut Perspektif Undang-undang. *International Journal of Law, Government and Communication IJLGC* 6(22): 179–188. <http://www.ijlgc.com/PDF/IJLGC-2021-22-03-17.pdf> [4 April 2023].
- Mahdzir, N., Rahman, A.A., Rahim, A.A. & Ismail, C.T.M. 2021c. Perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga dalam situasi perintah kawalan pergerakan (PKP) menurut perspektif undang-undang. *International Journal of Law, Government and Communication IJLGC* 6(22): 179–188.
- Majid, M.A., Bakar, S.A., Marlon, M.Y. & Bokhari, N. 2018. Faktor konflik rumah tangga dan kaedah mengatasi: Satu pendekatan tinjauan literatur sistematik. *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC)*, hlm. 1–17.
- Maliana binti Rajalan. 2019. Peran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak dalam menangani kasus kekerasan rumah tangga di Sarawak, Malaysia. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Mariam, A.M., Sahlawati, A.B. & Mohamad Yusuf, Marlon Nursyafiqah, B. 2018. Faktor konflik rumah tangga dan kaedah mengatasi. *International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*, hlm. 1–17.
- Mohamad Yusof, M., Azman, A., Kamarul Bahrin, F. & Yahaya, M. 2020a. Hubungan Konflik Kewangan Terhadap Kesejahteraan Sosial Mangsa Wanita Dalam Isu Keganasan Rumah Tangga. *The 2nd International Conference on Social Work*(March): 133–143.
- Mohamad Yusof, M., Azman, A., Kamarul Bahrin, F. & Yahaya, M. 2020b. Hubungan konflik kewangan terhadap kesejahteraan sosial mangsa wanita dalam isu keganasan rumah tangga. *The 2nd International Conference on Social Work*, hlm. 133–143.
- Mohamed Daud, N., Hussin, M.N.M. & Hafiz Jamaludin, M. 2021. Keganasan rumah tangga di Malaysia: Satu analisis literatur. *Journal of Shariah Law Research* 6(2): 273–296. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/07/kes-dera-ibu-bapa-naik-20->.

- Mudin, N.S.M. & Mohamed, N.F. 2023. Exploring the long-term psychological impact of childhood abuse on intimate partner violence victims in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13(5): 1412–1423.
- Muhajarah, K. 2016. Kekerasan terhadap perempuan dalam rumah tangga: perspektif sosio-budaya, hukum dan agama. *SAWWA* 11(2): 127–146.
- Muhammad, W.R., Sharifah Rohayah, S.D. & Sofia Haminah, M.S. 2021. Pandemik COVID-19 dan keganasan rumah tangga: suatu tinjauan semasa PKP di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Societal and Space* 17(3): 137–152.
- Musthapar, N.F. & Ahmad, B. 2022. Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Literatur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 98–113. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/283> [4 April 2023].
- Nadiah, M.D., Mohd Norhusairi, M.H. & Mohd Hafiz, J. 2021. Keganasan rumah tangga di Malaysia: satu analisis literatur. *Journal Of Shariah Law Research* 6(2): 273–296.
- Nurfadhilah binti Yahya. 2014. Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga: Satu kajian di negeri Johor. Universiti Teknologi Malaysia. <http://journal.stainkudus.ac.id/index.php/equilibrium/article/view/1268/1127>.
- Nurul Hasna' binti Hazni. 2017. Pembubaran perkahwinan akibat keganasan seksual dalam rumah tangga: Kajian di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia. Universiti Utara Malaysia.
- Othman, I.W., Zakaria, S. & Esa, M.S. 2022. Recognizing, appreciating and preserving women's rights: issues, rationales and challenges for women in facing responsibility. *International Journal of Law, Government and Communication IJLGC* 7(29): 556–577.
- Rafiq, M., Shah, S.A. & Bashir, A. 2020. A Qur'anic Contextualization of Mental Health Dynamics Involved In Domestic Violence 10(02): 1–8.
- Rose, N.N. & Ishak, A.S. 2020. Keganasan rumah tangga semasa tempoh perintah kawalan pergerakan di Malaysia. *DINAMIKA KELUARGA Pada Masa Pandemi COVID-19* i–xiii: 91–99.
- Shaari, M.S., Yahaya, M.H. & Juaini, N.J.M. 2019. Understanding the communication pattern and emotional abuse: domestic violence victims among married women. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* 8(2) 246–250. <https://www.superheuristics.com/understanding-the-communication-mix/>.
- Sharil, S. & Ismail, A. 1999. Langkah-langkah keselamatan dalam menangani keganasan terhadap wanita di tempat awam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(2): 1–12. file:///C:/Users/user/Documents/tahun 1 sem 2/c93cc4b0db4c9f98af4d39645ebf8f48.pdf.
- Sharkawi, S.A. & Saili, J. 2022. Analisis isu perkahwinan dalam kalangan pasangan Melayu di Kuching, Sarawak sepanjang tahun 2018-2020. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(7): 1–15.
- Yusof, M.M., Azman, A., Bahrin, F.K. & Yahaya, M. 2020. Hubungan konflik kewangan terhadap kesejahteraan sosial mangsa wanita dalam isu keganasan rumah tangga. *2nd International Conference on Social Work*, hlm. 133–143. <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/ICSW2019/article/view/6888> [4 April 2023].

Zahari, A.M. & Ghani, F.A. 2021. Factors of domestic violence when movement control orders.
Eduvest - Journal of Universal Studies 1(11) 1253-1257.